

KENYATAAN MEDIA
OLEH YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI PENGANGKUTAN, MALAYSIA
KENAIKAN KADAR BARU BDM KENDERAAN PERDAGANGAN D-CONTROLLED
ISNIN, 13 MAC 2017

PENETAPAN KADAR BARU HAD BERAT DENGAN MUATAN (BDM) KENDERAAN
PERDAGANGAN D-CONTROLLED

13 MAC 2017

KENAIKAN KADAR HAD BERAT DENGAN MUATAN KENDERAAN
D-CONTROLLED DARIPADA 5,000 KG KEPADA 7,500 KG

1. Pada ketika ini, perkembangan teknologi melibatkan kenderaan perdagangan telah berkembang dengan pesatnya terutamanya dalam aspek keselamatan kenderaan, pembinaan struktur dan kuasa enjin.
2. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Pengangkutan (MOT) dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dengan kerjasama pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) amat komited untuk menambahbaik sistem spesifikasi teknikal kenderaan perdagangan khususnya daripada aspek kenaikan had berat kenderaan tersebut berdasarkan Perintah Sekatan Had Berat (Pindaan) 2003 kepada Perintah Sekatan Had Berat (Pindaan) 2017.
3. Selaras dengan perkara tersebut, bagi spesifikasi kadar had berat kenderaan D-Controlled juga telah dinaikkan, berdasarkan perbincangan diantara pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) di mana telah bersetuju supaya Berat Dengan Muatan (BDM) sedia ada dinaikkan daripada 5,000 Kg kepada 7,500 Kg dengan syarat-syarat dan ketetapan teknikal yang akan diselaraskan oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

4. Sekiranya kenaikan kadar baru had berat dengan muatan (BDM) bagi kenderaan D-Controlled ini dilaksanakan, sistem jaringan pengangkutan kenderaan barangan di Malaysia akan dapat berkembang dengan lebih pesat dan efektif dimana kekerapan perjalanan kenderaan, kos operasi dan penyelenggaraan akan dapat diminimumkan.

5. Selain itu juga, kenaikan kadar baru had berat dengan muatan (BDM) bagi kenderaan D-Controlled ini juga membolehkan pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) khususnya di kawasan luar bandar dapat memaksimumkan dan mengoptimumkan beban barangan yang dibawa dimana sebelum ini hanya 1,400 Kg sahaja beban barangan yang layak dibawa manakala dengan pengingkatan kadar baru had berat dengan muatan (BDM), beban barangan layak dibawa adalah meningkat kepada 3,900 Kg.

6. Secara keseluruhannya, pelaksanaan ini dapat memudahkan urusan perniagaan terutamanya melibatkan perusahaan kecil dan sederhana serta dapat menggalakan perkembangan teknologi automotif tempatan seterusnya turut dapat merangsang pertumbuhan ekonomi serta sistem jaringan pengangkutan darat setempat.